

# PERASMIAN MAJLIS PELANCARAN PROGRAM REMAJA BERWAWASAN

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1546-perasmian-majlis-pelancaran-program-remaja-berwawasan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1546-perasmian-majlis-pelancaran-program-remaja-berwawasan)

KUANTAN, 15 Feb 17 – SMK Seri Panching Kuantan telah mengadakan Program Remaja Berwawasan peringkat kebangsaan *National Blue Ocean Strategy* atau di dalam bahasa melayunya Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Program ini di terajui oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Beberapa Kementerian atau Jabatan lain seperti Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional juga turut terlibat dalam menjayakan program tersebut.

Program Remaja Berwawasan ini telah dirasmikan oleh Pegawai Laksana Pangkalan Udara Kuantan, Lt Kol Norizal bin Timan TUDM dan Pengetua Sekolah SMK Seri Panching Pn Hjh Maizinah bt Mohd Taib.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk membina karektor murid-murid di sekolah bagi mendekati aktiviti-aktiviti luar yang mencabar mental dan fizikal seperti merentas halangan, *jungle tracking*, jalan lasak, *treasure hunt* serta menyelitkan aktiviti pengukuhan kerohanian sahsiah dan jati diri murid seperti *ring kaunseling*, ceramah motivasi, tazkirah dan sebagainya.

Latihan mingguan ini akan diadakan pada hari rabu selepas waktu persekolahan yang dijalankan sebanyak dua kali sebulan. Program ini berpeluang untuk meraih markah kokurikulum yang lebih tinggi iaitu program bertaraf peringkat kebangsaan.



